

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1994/95

April 1995

AMP400 - STRATEGI PEMASARAN

Masa: [3 jam]

---

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Soalan 1 dan 2 adalah WAJIB.

Soalan 1

Sebagai seorang pengurus barangan baru di Syarikat Vidtronik iaitu sebuah syarikat pembuat barangan elektronik untuk pengguna, Musa telah dipertanggungjawabkan untuk membuat satu rancangan pemasaran bagi barangan itu. Musa berasa kurang selesa kerana ini merupakan rancangan pemasaran beliau yang pertama. Musa lantas meminta pertolongan anda.

- (a) Apakah nasihat yang dapat anda berikan. [5 markah]
- (b) Maklumat apakah yang perlu dicari. [10 markah]
- (c) Bagaimanakah cara dia boleh memulakannya. [10 markah]

Soalan 2

Bincangkan persamaan dan perbezaan di antara etika pemasaran dengan tanggungjawab sosial dalam organisasi perniagaan besar masakini. Gunakan contoh untuk menguatkan lagi hujah anda.

[25 markah]

...2/-

**Pilih DUA soalan sahaja.****Soalan 3**

Bincangkan kaitan di antara misi, sasaran (goal) dan objektif strategi korporat dengan strategi pemasaran.

[25 markah]

**Soalan 4**

Sebagai seorang CEO, bagaimanakah reaksi anda sekiranya salah seorang daripada pengurus anda mengatakan "Kita tidak perlu membuat analisis SWOT kerana kita saban hari bergelut dalam perniagaan ini, kita tahu apa yang mustahak dan apa yang berlaku setiap masa". Bincangkan dalam konteks kepentingan SWOT dalam strategi pemasaran.

[25 markah]

**Soalan 5**

Terangkan bagaimana faktor-faktor di bawah boleh digunakan untuk memilih strategi bagi barangan yang berada di peringkat penurunan dalam kitaran hayat barangan.

- (a) kedudukan pasaran (market position). [5 markah]
- (b) potensi pemetakan pasaran (market segmentation potential). [5 markah]
- (c) kadar penurunan nilai pasaran (rate of market deterioration). [5 markah]
- (d) barangan yang bertaut antara satu dengan lain (interdependent product). [5 markah]
- (e) struktur harga dan kos. [5 markah]

...3/-

Soalan 6

- (a) Apakah pilihan (option) yang ada untuk pemasaran barangan di dalam peringkat pengenalan? Faktor-faktor apakah yang perlu diambil kira?

[15 markah]

- (b) Bincangkan pilihan yang boleh diambil dalam merekabentuk saluran pemasaran.

[10 markah]

- oooOooo -

